



الهجرة

Naskah Percuma
Keluaran 14. Bil. 2/2019



TOKOH AL-HUDA
**DATO' HAJI S.A ABDULLAH
BIN BUKHARI**

WARTA KERAJAAN

- Fatwa Mengenai Peraduan Sistem Pesanan Ringkas (SMS) Berbentuk Judi



Pena Editor

Allah SWT menjadikan manusia dengan sebaik-baik ciptaan. Namun atas sikap manusia sendiri menjadikan anugerah yang amat hebat ini telah disalahgunakan, akhirnya membawa kerugian, ataupun bencana kepada makhluk lainnya. Sebagai umat yang berpegang dengan risalah yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW sudah tentu kita memahami tujuan penciptaan kita ialah untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT. Justeru, setiap yang kita laksanakan akan menjurus ke arah mendapatkan keredhaan Allah SWT.

Hakikatnya kehidupan seseorang itu akan lebih terurus dan lancar sekiranya mempunyai pengurusan masa yang baik. Sememangnya manusia akan berada dalam kerugian jika tidak pandai menggunakan dan memanfaatkan masa dengan sebaik mungkin. Sehingga ramai manusia yang membuang masa dengan perkara yang tidak berfaedah.

Dalam kehidupan hari ini, kita sering dilekakan dengan kecanggihan teknologi. Antaranya yang amat rapat dengan diri kita ialah telefon bimbit. Telefon bimbit pada hari ini bukan sekadar untuk berbual seperti mana tradisi penggunaan telefon dahulu. Tetapi telah dipenuhi dengan kepelbagaian medium untuk berkomunikasi. Media sosial merupakan sebahagian dari medium komunikasi yang sangat tinggi penggunaannya.

Al-Huda terbitan pada kali ini ingin mengajak masyarakat untuk memanfaatkan media sosial yang ada. Banyak perkara yang boleh dilakukan dengan kemudahan media sosial ini. Janganlah kita menjadikan ia sebagai alat membuang masa dengan percakapan yang tidak berfaedah, ada yang menghabiskan masa dengan bertengkar, maki hamun, menabur fitnah, mengadu domba, berkhayal dan berbagai lagi amal perbuatan yang merugikan.

Selain itu, Al-Huda juga meneruskan usaha-usaha memberikan penjelasan berkaitan fatwa dan pandangan hukum yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri untuk perkongsian bersama. Turut dipaparkan ialah aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang. Semoga paparan pada terbitan kali ini akan dapat memberikan manfaat kepada pembaca semua.

SIDANG REDAKSI

PENAUNG:
Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor
(Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang)

PENASIHAT:
Haji Yusoff bin Abu Bakar
(Timbalan Mufti Negeri Pulau Pinang)

KETUA EDITOR:
Fakhrurrazi bin Md. Mahdzir

PENOLONG KETUA EDITOR:
Fairus Ain binti Abdul Aziz

SIDANG PENOLONG EDITOR:
Azwati binti Zainol Abidin
Mohd Ferdaus bin Hashim
Norfazilah binti Mohd Lidi

FOTOGRAFI:
Siti Asmah binti Abdul Manap

KANDUNGAN AL-HUDA

01 Pena Editor

02 **Bicara Mufti**
Manfaatkan Media Sosial

04 **Fokus**
Media Sosial Sebagai Medium Dakwah

06 **Warta Kerajaan**
Fatwa Mengenai Peraduan Sistem Pesanan Ringkas (SMS) Berbentuk Judi

07 **Al-Quran / Falak**
Menentukan Waktu Berdasarkan Kedudukan Bulan di Langit

08 **Tokoh**
Dato' Haji S.A Abdullah bin Bukhari

09 **Lensa Al-Huda**
Memaparkan aktiviti jabatan, pencapaian dan program yang dijalankan

11 **Berita Jabatan**
Aktiviti jabatan, informasi terkini, pencapaian dan pembangunan negeri.

18 **Kemusykilan Agama**

19 **Pentadbiran**

MANFAATKAN MEDIA SOSIAL

Oleh: Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor (wansalim@penang.gov.my)



Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT yang sentiasa melimpahkan kurniaan-Nya sehingga kita masih diberikan nafas dan kekuatan untuk terus beribadat kepada-Nya. Selawat dan salam diucapkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarganya, para sahabat serta mereka yang sentiasa berpegang dengan apa yang dibawa dan disampaikan oleh Baginda SAW.

Alhamdulillah, atas rahmah Allah SWT jua, penerbitan Buletin al-Huda dapat diteruskan kesinambungan keluarannya. Tahniah saya ucapkan kepada sidang redaksi al-Huda atas komitmen dan kerjasama semua bagi menjayakan penerbitan ini.

Kita sedia maklum, pada zaman ini sebahagian besar tugas kita telah dimudahkan dengan kewujudan teknologi maklumat atau ICT. Saban tahun perkembangan ICT ini sentiasa meningkat keluasan penggunaan dan kemudahan yang ditawarkan. Antara hasil dari ledakan perkembangan ICT telah munculnya media sosial. Ditambah pula dengan keberadaan telefon mudah alih yang mempunyai kepelbagaian fungsi telah merancakkan lagi penggunaan media sosial.

Jika dahulu, kita berhubung melalui surat, telefon atau telegraf, tetapi hari ini medium media sosial telah mengambil alih tugas tersebut dengan lebih meluas. Hampir sebahagian besar ahli masyarakat hari ini memiliki akaun media sosial seperti Facebook, WhatsApp, Twitter dan lain-lain lagi. Bayangkan dalam tempoh hanya beberapa saat sahaja, kita boleh mendapat perkhabaran berkaitan dengan ahli keluarga, sahabat atau rakan sekerja kita. Semua ini menjadikan kita sentiasa dekat kepada masyarakat.

Begitu juga dalam kita mendapatkan pengetahuan, kewujudan media sosial telah menawarkan pelbagai bentuk informasi untuk peningkatan maklumat kita. Tidak perlu lagi merujuk kepada buku-buku yang tebal-tebal, sebaliknya buku-buku tersebut telah tersedia dalam bentuk maya untuk kemudahan rujukan.

Malahan melalui kemudahan yang ada juga, kita dapat membuat rujukan dengan pantas. Dengan sekadar menaip kata kunci kepada sesuatu topik yang kita hajati, kita akan memperolehi banyak maklumat yang berkaitan dari pelbagai sudut serta huraian. Sudah tentu ini amat memudahkan urusan kita, dan pada masa yang sama menambahkan lagi pengetahuan kita.

Firman Allah SWT dalam al-Quran bermaksud:

“Katakanlah (wahai Muhammad): Kalaulah semua jenis lautan menjadi tinta untuk menulis kalimah-kalimah Tuhanku, sudah tentu akan habis kering lautan itu sebelum habis kalimah-kalimah Tuhanku, walaupun Kami tambah lagi dengan lautan yang sebanding dengannya, sebagai bantuan.” (Surah al-Kahfi, ayat 109).

Daripada ayat di atas dapatlah kita fahami bahawa ilmu pengetahuan itu amat luas dan menjadi tanggungjawab kita untuk mencari dan memahaminya.

Kehadiran media sosial juga dilihat amat bermanfaat sebagai media dakwah untuk memberikan penjelasan mengenai Islam. Para ilmunan boleh menyampaikan dakwah dan pengajaran melalui sidang video yang dilakukan secara langsung dan boleh dilihat oleh semua lapisan masyarakat di mana juga berada. Bagi yang mempunyai kemahiran penulisan, mereka boleh memuatkan penulisan mereka di laman-laman blog yang disediakan untuk dibaca dan dirujuki oleh semua peringkat. Mengajak manusia kepada kebaikan merupakan suatu yang sangat tinggi nilainya di sisi Islam sebagaimana yang di firmankan oleh Allah SWT:

“Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: ‘Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)!’ (Surah Fussilat, ayat 33).

Betapa besarnya nikmat akal yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia. Dengan ilmu dan kepakaran yang dianugerahkan, manusia mampu menghasilkan sesuatu yang amat bermanfaat kepada semua. Justeru, sebagai hamba yang mempunyai iman seharusnya kita sentiasa bersyukur atas nikmat yang telah dianugerahkan ini kerana nikmat Allah itu tidak terhitung nilainya. Sebagaimana maksud firman Allah SWT:

"Dan jika kamu menghitung nikmat Allah (yang dilimpahkan kepada kamu), tiadalah kamu akan dapat menghitungnya satu persatu; sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani." (Surah An-Nahl, 18).

Walaupun dengan adanya media sosial ini memudahkan kita dalam berkomunikasi tanpa mengenal jarak dan waktu namun kita hendaklah juga sentiasa berhati-hati. Setiap butiran maklumat yang diterima sewajarnya perlu diteliti dengan sebaiknya agar kita tidak tersalah dalam menyebarkan sesuatu perkara. Ini mungkin menjerumuskan kita kepada dosa kerana turut sama menyebarkan perkara tidak benar.

Kebimbangan ini ada kewajarannya kerana penggunaan media sosial sekarang ini kelihatan sedikit menyimpang dari hasrat untuk merapatkan hubungan dan menambahkan pengetahuan. Ini kerana ada antaranya digunakan untuk menyebarkan fitnah serta perkara-perkara yang boleh membawa kepada perbalahan di kalangan masyarakat. Terdapat pihak yang menjadikan laporan atau maklumat salah yang diterima sebagai modal menjatuhkan saudara mara, sahabat atau orang lain untuk kepentingan diri atau kumpulan yang diwakilinya.

Ini adalah suatu perbuatan yang tidak disukai dalam ajaran Islam kerana ia membawa kepada sangkaan buruk kepada sesuatu pihak. Dalam al-Quran sendiri telah dijelaskan sebagaimana yang dinyatakan:

"Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha mengasihani." (Surah Al-Hujurat, ayat 12)

Sebagai penutup, media sosial merupakan salah satu alat untuk berkongsi dan berhubung dengan sesiapa sahaja di seluruh dunia di alam maya. Penggunaan media sosial ini telah banyak mempengaruhi masyarakat sekeliling dengan memberi kesan yang positif mahupun negatif. Bagaimanapun, ia bergantung kepada bagaimana pengguna memanfaatkan kemudahan yang diberikan.

Justeru, kita hendaklah menjadi pengguna yang beretika, bukan menjadikan media sosial sebagai medan untuk bersosial atau bersuka-suka. Sebagai umat Islam yang mempunyai dasar peraturan dalam bermuamalat berpandukan al-Quran dan as-Sunnah, maka dalam kita berinteraksi dan berkongsi maklumat wajarlah berlandaskan akhlak serta adab sebagaimana yang disyariat dalam Islam.

Setiap maklumat diperolehi hendaklah dibaca, difahami dan diselidiki sumber-sumber kesahihannya terlebih dahulu sebelum disampaikan atau diamalkan. Konsep *tabayyun* atau menyelidik terlebih dahulu perlu digunakan terutama pada ketika penyebaran berita-berita palsu yang semakin berkembang ini. Andaian dan spekulasi telah dijadikan sebagai suatu fakta sedangkan ia bukan perkara yang benar. Perbuatan menyebarkan maklumat tanpa membaca, memahami dan menyelidik terlebih dahulu boleh menimbulkan salah faham serta fitnah. Masyarakat juga perlu memastikan penggunaan teknologi ini dapat diseimbangkan tanpa berlaku pengeksploitasian dalam kehidupan masyarakat.

MEDIA SOSIAL SEBAGAI MEDIUM DAKWAH

Oleh: Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim (zakihalim@penang.gov.my)

Dalam era zaman globalisasi kini masyarakat terdedah kepada kemajuan teknologi yang begitu pesat dengan kepantasan internet tanpa had. Dapat dilihat kini bahawa media sosial adalah salah satu medium dakwah yang tidak kurang pentingnya dan sesuai diaplikasikan untuk meningkatkan kefahaman Islam. Konsep dakwah merupakan aspek penting bagi mencapai kebaikan dan kejayaan dalam kehidupan. Berkaitan dengan itu, pendekatan media sosial mampu membuahkan hasil yang baik dalam berdakwah terhadap masyarakat umumnya.

Media sosial adalah sejenis medium yang digunakan terus secara atas talian melalui aplikasi-aplikasi tertentu seperti *Facebook*, *Twitter* dan *WeChat*. Media sosial juga merangkumi blog, forum dan rangkaian sosial. Dakwah pula merupakan suatu interaksi penyampai dan penerima melalui pelbagai cara yang bertujuan untuk menyeru masyarakat mahupun individu untuk memahami Islam, mengajak untuk beriman serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya bersesuaian dengan panduan akidah, syariat dan akhlak Islam.

Dakwah berasal dari perkataan Arab yang bermaksud “ajakan dan seruan”, sebagaimana frasa dalam bahasa Arab yang membawa erti “Menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran”.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)...” (Surah ali-Imran: 110).

Umat yang terbaik adalah umat yang menjalankan tugas khalifah untuk memakmurkan dunia dengan menyeru sekalian manusia ke arah kebaikan melalui pembinaan peradaban kemanusiaan secara beradab dan bermatlamat. Di samping berusaha melakukan pencegahan terhadap perkara-perkara yang boleh merosakkan nilai kemanusiaan dengan mengajak masyarakat untuk keluar daripada lembah kemaksiatan dan keburukan sebagaimana yang diperintahkan oleh Tuhan Penguasa Alam, yang Maha Arif terhadap segala yang diciptakan.

Berdakwah melalui media sosial merupakan inisiatif yang berkesan dan memberi implikasi positif serta dapat dinilai melalui sudut masyarakat dan individu itu sendiri. Walaupun tidak dinafikan terdapat juga sudut negatif melalui medium ini. Namun keberkesanannya mampu mengubah perwatakan seseorang individu dan boleh mempengaruhi persepsi masyarakat secara lebih luas.

Oleh itu, penyebaran dakwah melalui media sosial hendaklah digiatkan bagi mengimbangi kesan keburukan yang mungkin dijangkiti oleh para pengguna jika sekiranya tiada pendedahan ke arah keagamaan yang bersifat mengajak kepada kebaikan. Masyarakat hari ini lebih tertarik kepada pendedahan yang ada dalam media sosial berbanding mendapatkan maklumat melalui sumber yang sahih seperti melalui pembacaan buku-buku ilmiah atau menghadiri kuliah-kuliah ilmu di masjid-masjid.

Sehubungan itu, apabila pendedahan ilmu agama tidak dapat diterapkan dalam diri masyarakat secara benar, maka rentetan cabaran yang besar telah berlaku di Malaysia seperti pengaruh budaya kuning yang melanda masyarakat Islam kini. Faktor ini dapat mengelirukan umat Islam seterusnya memesongkan akidah disebabkan pendedahan hiburan yang melampau sehingga wujud persepsi yang menjadi trend mendengar kuliah agama pun lebih bersifat santai tidak lebih hanya sekadar hiburan dan halwa telinga semata-mata.

Malah yang memburukkan lagi keadaan ialah mudahnya penyebaran agama sesat dilakukan melalui medium ini kerana sukar untuk dipantau oleh pihak berkuasa agama dan sangat berkesan untuk meracuni pemikiran manusia.

Oleh itu tanggungjawab kita sebagai sebaik-baik ummah ialah melaksanakan tanggungjawab berdakwah atau menyeru masyarakat supaya keluar dari kepompong kejahilan melalui pendedahan ilmu pengetahuan yang benar dan sahih. Dunia dahagakan ilmu pengetahuan yang meluas terutamanya ilmu agama.

Kita mesti menggunakan pendekatan media sosial dengan cara yang baik. Bukan melakukan benda yang tidak sepatutnya seperti menyebarkan fitnah, mengecam mana-mana pihak dan sebagainya yang boleh mendatangkan masalah lain seperti pergaduhan. Termasuk juga meninggalkan perkara-perkara tercela seperti mengumpat, mencaci dan menghina orang lain dalam media sosial yang sifatnya terbuka.

Sabda Rasulullah SAW menurut riwayat Ummu Habibah yang dikeluarkan Tarmizi dan Ibnu Majah;

“Tiap-tiap perkataan anak Adam adalah bencana atasnya, tidak baginya (iaitu tidak ada yang bermanfaat baginya), kecuali menyuruh dengan kebaikan dan melarang dari kejahatan dan ingat kepada Allah”.

Justeru, melalui medium yang tersedia ini hendaklah kita gunakannya dengan sebaik-baiknya sebagai medan dakwah yang setiap kita boleh laksanakan. Masyarakat memerlukan bimbingan yang baik dan perlu kepada saling nasihat menasihati. Oleh yang demikian, peranan media sosial yang meluas dan boleh dikatakan menjadi keutamaan generasi Y kini amat penting dalam penyampaian dakwah. Dakwah adalah perlu berdasarkan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, “Sampaikan dariku walaupun satu ayat”. Berdasarkan hadis riwayat al-Bukhari ini menjelaskan tentang peranan setiap kita untuk saling mengingatkan. Ia adalah salah satu usaha dakwah yang boleh ditonjolkan melalui perbuatan, iaitu dengan berakhlak dan beradab yang baik. Melalui penulisan dengan menulis perkara-perkara yang baik, saling mengingatkan dengan pesanan yang baik-baik. Ini semua dapat dilakukan melalui media sosial yang begitu terserlah penggunaannya sekarang ini. Moga melaluinya dapat kita jadikan modal dan saham untuk meraih kebaikan yang banyak sebagai bekalan kita di akhirat nanti.

Wallahu’aklam.



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA
GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil.49
No.22

27hb Oktober 2005

TAMBAHAN NO.11
PERUNDANGAN

Pg. P.U.22

Lampiran 19

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG 1993

ADMINISTRATION OF ISLAMIC RELIGIOUS AFFAIRS
ENACTMENT OF THE STATE OF PENANG 1993

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 37
FATWA UNDER SECTION 37

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993, seperti yang dinyatakan dalam Jadual, Mufti bagi Negeri Pulau Pinang membuat fatwa.

In exercise of the powers conferred by section 37 of the Administration of Islamic Religious Affairs Enactment of the State of Penang 1993, as specified in the Schedule, the Mufti of the State of Penang makes the fatwa.

JADUAL/SCHEDULE

FATWA MENGENAI PERADUAN SISTEM PESANAN RINGKAS (SMS) BERBENTUK JUDI

1. Bahawa mana-mana orang Islam yang menyertai atau menganjurkan sebarang bentuk peraduan melalui sistem pesanan ringkas (SMS) adalah haram dan berdosa.
2. Bagi maksud fatwa ini, bahawa peraduan yang dijalankan tersebut adalah tidak jelas dan mempunyai unsur-unsur perjudian yang bercanggah dengan hukum syarak.

Bertarikh 30 September 2005.
Dated 30 September 2005.
[PU/PP 3200 Jld.1]

DATO' HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Mufto of the State of Penang

BAGAIMANA KITA INGIN MENENTUKAN WAKTU BERDASARKAN KEDUDUKAN BULAN DI LANGIT?

Oleh: Muhammad 'Izzat bin Mohd Zubir
(Bachelor of Science in Physics (Hons.),Universiti Sains Malaysia)

Satu hari mempunyai 24 jam. Satu jam mempunyai 60 minit dan 1 minit mempunyai 60 saat. Setiap hari, kita akan memulakan urusan pada waktu pagi dan petang, kemudian berehat pada waktu malam. Sudah tentu kita akan kerap melihat jam bagi menentukan waktu. Namun, kadangkala kita tidak mempunyai jam bagi menentukan waktu pada ketika tersebut. Bagaimanakah kita ingin menentukan waktu pada satu-satu masa?

Jika di waktu siang, kita boleh menentukan masa berdasarkan kedudukan matahari. Jika suasana pada waktu tersebut adalah sejuk, dan kelihatan matahari di ufuk, waktu tersebut adalah waktu pagi. Namun jika suasana agak panas, dan matahari berada di ufuk, waktu tersebut adalah waktu senja. Setiap hari, matahari akan terbit dari timur, dan terbenam di sebelah barat.

Bagaimana pula untuk menentukan waktu pada malam hari?

Bagi menentukan waktu pada malam hari, kita boleh gunakan bulan sebagai rujukan. Bulan mempunyai kitarannya setiap bulan, berdasarkan kalendar Hijri.

Pada setiap awal bulan hijri, bulan akan berada pada fasa anak bulan, dan bulan sabit. Bulan sabit ini akan berada di bahagian barat langit. Bahagian barat langit dapat ditentukan berdasarkan tempat terbenamnya matahari. Jika keadaan langit masih lagi kelihatan kemerahan selepas matahari terbenam, waktu tersebut adalah waktu maghrib sekitar jam 7 hingga jam 8.30. Jika langit kelihatan gelap sepenuhnya, waktu tersebut ialah waktu isyak.


Namun, waktu isyak adalah waktu yang panjang. Bagaimana kita ingin tentukan jam pada waktu tersebut?

Kita boleh menggunakan fasa dan kedudukan bulan sebagai rujukan.

Jika bulan kelihatan berbentuk separa dan berada sekitar atas kepala, jam pada waktu tersebut adalah sekitar jam 7. Jika bulan separa berada rendah di langit malam, waktu tersebut adalah sekitar jam 10 – 12.

Jika bulan berada pada fasa hampir purnama, ia akan berada tinggi dari ufuk ketika matahari terbenam. Jika ia berada di atas kepala, waktu tersebut adalah sekitar jam 10. Jika ia berada rendah di ufuk, waktu tersebut adalah sekitar jam 1-3 pagi.

Jika bulan berada pada fasa purnama, ia akan terbit ketika matahari terbenam. Pada jam 2 pagi, ia akan berada di atas kepala. Bulan purnama akan terbenam ketika matahari terbit.




Gambar menunjukkan Fasa Bulan



Pengesahan Arah Qiblat
14 Mei 2019
Tapak Surau SMK Pondok Upeh Balik Pulau



Kunjungan ziarah Sheikh Ahmad Saber Al-Ghamdi,
Pensyarah Al- Imam Muhammad Saud Islamic
University Of Kingdom Saudi Arabia
28 Mei 2019



Majlis Cerapan Rasmi Hilal Syawal
Pusat Falak Sheikh Tahir, Balik Pulau
3 Jun 2019



Bengkel Penerbitan & Penulisan (Falak)
Masjid Daerah Seberang Perai Tengah
24 Jun 2019

Majlis Perhimpunan Bulanan Bil. 6/2019
Bilik Mesyuarat JMNPP
28 Jun 2019



Kem Falak
29 Jun 2019
Pusat Falak Sheikh Tahir, Balik Pulau



Daurah Panduan Solat Menggunakan Kerusi
Disebabkan Keuzuran
Masjid Daerah Seberang Perai Tengah
5 September 2019



Muzakarah Bersama AJK Fatwa Negeri
Pulau Pinang & AJK Fatwa Negeri Selangor
16 Oktober 2019
Ixora Hotel, Perai



Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang
Bil. 4/2019
21 & 22 Ogos 2019
Pearl View Hotel, Perai



Kuliah Tafaqquh (Bulanan) Siri 8/2019
28 Ogos 2019
Pusat Islam UiTM Permatang Pauh



Mesyuarat JK Falak Negeri Pulau Pinang Bil.2/2019
20 November 2019
ILKM, Jawi



Program Pendidikan Falak Bil. 18/2019, Taklimat Falak dan
Bengkel Penentuan Arah Qiblat
4 Oktober 2019
Sek Keb Taman Mutiara, Karangan Kedah



Lawatan oleh PASTI An Nur, Permatang Pasir
2 November 2019
Pusat Falak Sheikh Tahir



Seminar Ketokohan/Ilmuan Falak 2019
14 November 2019
Pusat Falak Sheikh Tahir, Balik Pulau



Program Falak On The Streets Bil.2/2019
17 Julai 2019
Maahad Mashoor Al-Islami



Majlis Serahan Takwim Hijri dan Jadual
Waktu Solat bagi Negeri P.Pinang 1441H
29 Ogos 2019
KOMTAR



Lawatan Kerja Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
ke Bahagian Penyelidikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
5 Disember 2019
Kompleks Islam Putrajaya



Bengkel Latihan Pra Gerhana
Matahari Cincin Siri 2/2019
12 Disember 2019
Kolej Matrikulasi Pulau Pinang



Sambutan Majlis Hari Raya Aidilfitri 2019
2 Julai 2019
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang



Lawatan perpisahan oleh YB. Dato' Seri Farizan bin Darus
7 Oktober 2019
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

Bengkel Semakan Kriteria Calon, Pemarkahan dan Pemilihan
Tokoh & Anugerah Maulidur Rasul 1440h/2019M
31 Oktober 2019
Bilik Mesyuarat JMNPP

Latar Belakang

Dato' Haji S.A Abdullah bin Abdul Rahman dilahirkan pada 29 Jun 1933 di Jalan Brani, Pulau Pinang. Beliau mendirikan rumah tangga dengan Datin Hajjah Ayissa binti Mohd Mydin dan dikurniakan enam (6) orang cahaya mata iaitu tiga (3) lelaki dan tiga (3) perempuan.

Dato' Haji S.A Abdullah bin Abdul Rahman lebih dikenali dengan panggilan Sheikh Abdullah Bukhari. Gelaran tersebut diperolehi melalui datuk beliau kerana beliau menjadi rujukan dalam hadis al-Bukhari.

Pendidikan

Dato' Haji S.A Abdullah bin Abdul Rahman memulakan pendidikan awalnya di Madrasah Mashoor Al-Islami dengan kelulusan Empat Thanawi dan pengkhususan Qismun Takhasasin dan Qismun Muallimun pada tahun 1952. Beliau memperoleh kelulusan Tahfizul Qurani dari Jamia Misbahul Hudha, Nidur, India pada tahun 1953. Beliau turut memperoleh kelulusan Kelas Alim Maulaui dari Nidur S. India pada 1958.

Anugerah

Dato' Haji S.A Abdullah bin Abdul Rahman menerima anugerah Tokoh Maal Hijrah pada tahun 1960. Anugerah yang diterima merupakan satu penghargaan terhadap sumbangan beliau yang besar dalam agama Islam di negeri Pulau Pinang amnya.

Beliau telah menunjukkan jasa-jasa dan budi pekerti yang terpuji serta kecekapan dalam apa jua lapangan. Justeru, beliau diberikan anugerah Pingat Kelakuan Terpuji (PKT) Pulau Pinang pada tahun 1991.

Pengetahuannya yang begitu mendalam serta pengalamannya yang begitu luas telah membawa pimpinannya ke tahap yang tinggi. Beliau menerima anugerah Darjah Johan Negeri (D.J.N) Pulau Pinang pada tahun 2002.


Semua pihak dari peringkat Ketua Negeri ke lapisan bawahan menyanjung tinggi sumbangannya terhadap negeri ini. Oleh yang demikian, beliau dianugerahkan Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N.) dari Tuan Yang Terutama Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang yang membawa gelaran "Dato" pada tahun 2007.

Kerjaya

Dato' Haji S.A Abdullah bin Abdul Rahman pernah mengajar Fiqh, Usul Fiqh, Mantiq, Tafsir dan Hadis di Madrasah Al-Mashoor Pulau Pinang pada tahun 1958 sehingga 1979. Beliau juga merupakan Imam di Masjid Kapitan Keling Pulau Pinang semenjak tahun 1972 sehingga 31 December 2018.

Pengetahuan dan pengalaman beliau yang mendalam lagi luas membuatkan beliau dijemput untuk mengajar pengajian Tafsir al-Quran di Masjid Negeri Pulau Pinang bermula tahun 1990 sehingga 2010. Dalam tempoh yang sama, beliau dilantik menjadi Guru Takmir Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.

Beliau juga bergiat aktif dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat Islam di Pulau Pinang khususnya dan berkebolehan memberi ceramah dalam beberapa Bahasa seperti Bahasa Melayu, Bahasa Tamil dan Bahasa Arab.



Oleh: Mohd Rizuan bin Idrus (mohdrizuan@penang.gov.my)

DATO' HAJI S.A ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN

داتوہ حاج عبد الله بن عبد الرحمن بخاري
أهلي جاوتنكواس فتوى

MAJLIS PERASMIAN DAN DISKUSI FARAID



Majlis Penyerahan Sijil Asas Falak

Majlis Perasmian Karnival Hijrah 1441H dan pelancaran Sahabat Falak JMNPP dirasmikan oleh Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor; Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Turut sama hadir memeriahkan majlis pelancaran tersebut Tuan Haji Omar bin Hassan; Pengerusi Jawatankuasa Qaryah Masjid Jamek Seberang Jaya. Majlis berlangsung di pentas utama Masjid Jamek Seberang Jaya.

Majlis turut diserikan dengan penyampaian Sijil Asas Falak kepada para peserta dan penyampaian hadiah kepada peserta pertandingan Falak dan Astronomi. Pertandingan Falak dan Astronomi dibahagikan kepada tiga (3) kategori utama iaitu Pertandingan Astrofotografi, Pertandingan Karya Kreatif dan Pertandingan Poster Informasi.

Pertandingan Falak dan Astronomi berlangsung di Dewan Seminar Masjid Jamek Seberang Jaya dengan disertai oleh beberapa institusi Pendidikan Pulau Pinang serta individu perseorangan. Turut berlangsung di Dewan Solat Masjid Jamek Seberang Jaya iaitu Diskusi Faraidh oleh Ustaz Syed Mohd Bakri bin Syed Ishak atau lebih dikenali dengan PU Syed.

Beberapa agensi Kerajaan dan badan berkanun turut tidak melepaskan peluang mengadakan pameran Pendidikan dan *mobile* planetarium disediakan untuk kanak-kanak merasa pengalaman meneroka alam semesta di ruang legar Masjid tersebut.

EDARAN TAKWIM HIJRI & JADUAL WAKTU SOLAT PULAU PINANG 1441H

Program edaran takwim hijri dan jadual waktu solat negeri pulau pinang 1441h telah berlangsung di plaza tol jambatan pulau pinang. Program disempurnakan oleh pegawai falak, jabatan mufti negeri pulau pinang bersama pengerusi jawatankuasa qaryah masjid jamek seberang jaya dengan kerjasama kakitangan plaza tol jambatan pulau pinang.

Program edaran takwim ini adalah bertujuan untuk mendedahkan masyarakat mengenai ketibaan Tahun Baru Hijrah dan kepentingan solat.



Barisan penceramah Sembang Santai Zikir & Fikir (mesej menerusi lagu).

SEMBANG SANTAI : ZIKIR & FIKIR (MESEJ MENERUSI LAGU)

Sembang Santai: Zikir dan Fikir (Mesej Menerusi Lagu) adalah program seumpama forum perdana telah berlangsung di pentas utama Masjid Jamek Seberang Jaya.

Ahli panel sembang santai terdiri daripada Ustaz Mohamad Zafiri bin Mohamad Daud, Ustaz Mohd Fadhly bin Hasbullah atau lebih dikenali sebagai Ustaz Manis, Ustaz Mohamad Huri bin Alias dan moderatornya Ustaz Muhammad Haniff bin Baderun. Sembang santai bermula selepas solat Isyak.

KULIAH KHAS: DEMI MASA

Kuliah khas bertajuk "Demi Masa" berlangsung di Dewan Solat Masjid Jamek Seberang Jaya bermula selepas solat Maghrib. Kuliah khas tersebut disampaikan oleh Ustaz Au'ni bin Mohamed.



Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Qaryah Masjid Jamek Seberang Jaya menyerahkan Takwim Hijri dan Jadual Waktu Solat Pulau Pinang 1441H kepada pengguna Jambatan Pulau Pinang.

Majlis penyerahan cenderamata kepada kakitangan Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang.

BICARA ASTRO : DARI LUBANG CACING KE LOHONG HITAM

Bicara astro bertajuk “dari Lubang Cacing Ke Lohong Hitam” berlangsung di Dewan Seminar, Masjid Jamek Seberang Jaya sejurus selesai pertandingan Falak dan Astronomi.

Bicara Astro tersebut disampaikan oleh Encik Shahrin bin Ahmad; Komunikator Astronomi *Falak Online.net*

En. Shahrin bin Ahmad menyampaikan ceramah Bicara Astro-Dari Lubang Cacing Ke Lohong Hitam.



Peserta Bicara Astro

SANTUNI BAYI TAHUN BARU 1441H (AWAL MUHARAM)



Program Santuni bayi Awal Muharam 1441H.

Santuni bayi Tahun Baru 1441H (Awal Muharam) adalah satu program meraikan bayi-bayi yang lahir pada 1 Muharam pada setiap Tahun Baru Hijrah. Program kali ini telah berlangsung di Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang.

Majlis penyerahan cenderamata kepada bayi-bayi Tahun Baru 1441H disertai oleh Dr. Hj. Mazzan bin Md. Issa @ Md Desa; Timbalan Pengarah Perubatan Hospital Seberang Jaya bersama Pegawai Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dan Ahli Jawatankuasa Qaryah Masjid Jamek Seberang Jaya.

Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, YBhg. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Negeri Pulau Pinang bersama barisan peserta kayuhan cintai alam.

KAYUHAN CINTAI ALAM



Seawal jam lapan pagi lagi para peserta yang mengikuti Kayuhan Cintai Alam di Seberang Jaya, baru-baru ini ternyata berbaloi kerana bukan sekadar menjalani aktiviti sihat, malah yang pasti dapat melihat keindahan panorama indah di kawasan berkenaan.

Umpama menyelam sambil minum air, Kayuhan Cintai Alam yang dikendalikan oleh Tuan Haji Bakar bin Nordin; Presiden Penang Mountainbike Associate (PMA) ini amat istimewa kerana laluan trek sejauh lapan kilometer (km) itu, bukan hanya membabitkan perjalanan kosong.



Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohammad Noor bersama pasukan Kayuhan Cintai Alam membersihkan Kawasan sekitar Sungai Seberang Jaya.

Para peserta dapat melakukan aktiviti edaran risalah, gotong-royong membersihkan kawasan sekitar sungai dan berakhir dengan acara tanam pokok teduhan di ruang belakang masjid, ia membuatkan penat-lelah mengayuh basikal yang mengambil masa kira-kira tiga jam nyata tidak terasa langsung.

Perjalanan bermula dari perkarangan Masjid Jamek Seberang Jaya melalui Bandar Sunway, Pasar Awam Seberang Jaya, sungai bersebelahan Jalan Pertama dan berakhir di Masjid Jamek Seberang Jaya. Mohon aktiviti sebegini dapat diteruskan pada masa hadapan.

Peserta push bike bersedia untuk memulakan pertandingan.

Peserta cilik push bike bergambar bersama medal kemenangan dan basikal masing-masing.



Barisan peserta push bike bergambar bersama S. S. Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor (Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang).

PERTANDINGAN PUSH BIKE

Kemeriahan sekitar aktiviti pertandingan push bike kategori kanak-kanak sempena Karnival Hijrah 1441H yang berlangsung di perkarangan Masjid Jamek Seberang Jaya, Pulau Pinang.

Aktiviti tersebut dikendalikan sepenuhnya oleh Tuan Haji Bakar bin Nordin; Presiden Penang Mountainbike Associate (PMA) Official bersama Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dan Masjid Jamek Seberang Jaya.

Pertandingan dibahagikan kepada tiga (3) kategori utama iaitu kategori terbuka, kategori bawah tujuh (7) tahun dan kategori bawah empat (4) tahun.

BENKEL PENERBITAN (PENYUNTINGAN)

Satu bengkel penerbitan (penyuntingan) bersama agensi agama negeri telah berlangsung di bilik mesyuarat Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, Tingkat 48, KOMTAR. Antaranya adalah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Pulau Pinang, Zakat Pulau Pinang, Masjid Negeri Pulau Pinang, Masjid-masjid Daerah dan Pejabat-pejabat Agama Daerah.

Bengkel dengan kerjasama Akademi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) ini bertujuan memberi pendedahan kepada konsep penyuntingan dalam memahami tugas sebagai seorang editor. Selain memahami jenis dan teknik penyuntingan, peserta juga diberi pendedahan tentang proses dan kepentingan penyuntingan.



Penerangan teknik penyuntingan kepada peserta bengkel.

Etika dalam penyuntingan amat penting dalam prosedur sesuatu penerbitan. Dr. Dahlina Daut @ Mohmud menjelaskan peri pentingnya undang-undang dalam penerbitan; Akta Hak Cipta 1987, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta Rahsia Rasmi 1972.

Undang-undang Hak Cipta ini melindungi penerbit dan bahan terbitan tersebut. Seramai 20 orang peserta turut serta dalam bengkel ini. Moga program sebegini memberi manfaat buat para peserta dalam menguruskan bahan-bahan terbitan sedia ada dalam mencapai tahap piala yang standard.



Peserta bengkel bergambar bersama penceramah Dr. Dahlina Daut @ Mohmud dari Akademi Dewan Bahasa dan Pustaka.

BENKEL ICT 2019

Selari dengan inovasi yang dibangunkan oleh Jabatan perkhidmatan Awam (JPA) untuk memberi kemudahan kepada penjawat awam menyemak dan mengetahui status terkini data pegawai, satu bengkel ICT telah diadakan bagi menyahut seruan tersebut. Bengkel berkaitan HRMIS ini berlangsung di Bilik Siber, Tingkat 24, KOMTAR.

Selain memahami konsep "data anda tanggungjawab anda", bengkel ini bertujuan meningkatkan kemahiran pegawai dalam mengemaskini data masing-masing secara berintegriti. Peserta juga didedahkan tentang kepentingan HRMIS seperti data profil, pengisytiharan harta, LNPT, SKT dan segala rekod berkaitan perkhidmatan dalam perjawatan seseorang. Pemilik kompetensi juga seharusnya memastikan maklumatnya tepat dan tidak berkongsi data peribadi dan kata laluan dengan pihak ketiga.



Taklimat HRMIS kepada peserta Bengkel ICT 2019.

Aplikasi myHRMIS Cuti, myHRMIS Profil dan myHRMIS eGL juga satu lagi inovasi baharu di bawah projek myGOV Mobile. Ia boleh dimuat turun melalui telefon pintar dan tablet yang menggunakan platform android dan iOS.

Aplikasi myHRMIS Cuti bertujuan memudahkan penjawat awam membuat permohonan cuti rehat, menyemak status cuti, menyemak, menyokong dan melulus cuti melalui platform mudah alih.

Aplikasi myHRMIS Profil pula membolehkan penjawat awam membuat semakan terhadap maklumat peribadi seperti yang telah dikunci masuk ke dalam aplikasi HRMIS.

Selain itu, aplikasi myHRMIS eGL pula membantu penjawat awam memaparkan rekod Surat Pengesahan Diri dan Pengakuan Pegawai (GL) untuk mendapatkan rawatan di hospital/klินิก Kerajaan. Ini merupakan kaedah alternatif sekiranya terdapat gangguan capaian kepada eGL HRMIS di kaunter hospital/klินิก tersebut.



Ucapan perasmian oleh Sahibul Fadzilah Tn. Hj. Yusoff bin Abu Bakar

Peserta Tafaqquh Falak Perdana

TAFACQUH FALAK PERDANA

Butterworth, Selasa - Program Tafaqquh Falak Perdana Siri 2/2019 telah diadakan di Dewan Setia, Pangkalan Udara Butterworth pada 22 Oktober 2019. Program ini adalah kesinambungan daripada Program Tafaqquh Falak Perdana Siri 1 yang telah mensasarkan Guru KAFA dari seluruh Pulau Pinang. Siri kali ini dua (2) orang panel telah diundang iaitu Mejar Nor Asharudin bin Mohd Noor, Juruterbang Operasi Pangkalan Udara Butterworth yang mengupas mengenai 'Keajaiban Langit' dan Ustaz Hj. Hanafiah bin Abd Razak, Ahli Jawatankuasa Falak Negeri Pulau Pinang yang menyampaikan ceramah bertajuk 'Ibadah di Angkasa'.

Program ini merupakan program kerjasama antara Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dengan Pangkalan Udara Butterworth. Program juga telah dirasmikan oleh Timbalan Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang; Sahibul Fadzilah Tuan Haji Yusoff bin Abu Bakar. Seramai 250 orang peserta telah menyertai program ini.

S.F Timbalan Mufti Negeri Pulau Pinang bersama barisan penceramah jemputan

LIQA MAHABAH ANTARA JABATAN-JABATAN MUFTI SEMALAYSIA 2019

Ipoh – Kesenambungan aktiviti sukan dwitahunan pada 2017 Liqa Mahabbah Zon Utara dan Timur, kali ini ianya diberi nafas baru kepada Liqa Mahabbah Semalaysia bagi tahun 2019. Penganjuran kali ini diketuai oleh Jabatan Mufti Negeri Perak sebagai tuan rumah dan 13 negeri Jabatan-Jabatan Mufti Semalaysia turut serta dalam program ini.

Program selama tiga (3) hari bermula pada 11 hingga 13 Oktober 2019 ini mempertandingkan enam (6) acara sukan. Antara sukan yang dipertandingkan ialah badminton, pingpong, karom, boling, congkak dan futsal. Jabatan Mufti Negeri Perlis telah dinobatkan johan keseluruhan dengan pungutan mata kemenangan 10 mata bagi tiga (3) acara sukan dari enam (6) acara sukan yang dipertandingkan.



Barisan Atlet Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

Barisan Atlet Futsal di Prosport Futsal, Jln Lahat

MAULIDUR RASUL PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG 1441H/2019M

Simpang Ampat, Sabtu – 'Negara Rahmah Ummah Sejahtera' merupakan tema Maulidur Rasul 1441H/2019M kali ini. Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (JMNPP) telah menyertai perhimpunan ummah sempena sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Pulau Pinang 1441H/2019M bertemakan 'Fatwa Rahmah Masyarakat Sejahtera'. Sambutan Maulidur Rasul 1441H/2019M telah diadakan pada 9 November 2019 bersamaan 12 Rabiulawal 1441H.

Perhimpunan ummah dimulai dengan pergerakan kontinjen bermula dari SMK Mutiara Impian, Simpang Ampat menuju ke Masjid Jamek Al Ihsaniah, Simpang Ampat. Perarakan telah disempurnakan oleh YB Datuk Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1.

Lebih 1,000 peserta daripada kontinjen pelbagai agensi, jabatan kerajaan telah menyertai, pertubuhan bukan kerajaan dan kariah masjid menyertai perarakan sambutan Maulidur Rasul di Masjid Al-Ihsaniah, Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan. Majlis turut diserikan dengan penyampaian beberapa anugerah. Anugerah utama iaitu Tokoh Maulidur Rasul disandang oleh Encik Ahmad Fahmi bin A.Bakar. Anugerah Khas Qudwatur Rasul Kemasyarakatan disandang oleh Dr. Mohamed Amir Shah Abd Aziz, Anugerah Khas Qudwatur Rasul Inovasi dan Keusahawanan; Mazwan Noor, Anugerah Khas Qudwatur Rasul Pendidikan; Dr Ahmad Majdi Yusoff dan Anugerah Khas Qudwatur Rasul Saudara Kita; Muhammad Faiz Ghan Abdullah.



Barisan peserta perempuan perhimpunan ummah



Barisan Peserta Kontinjen JMNPP

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang telah mengadakan Hari Terbuka Pusat Falak Sheikh Tahir (PFST) 2019 yang berlangsung selama dua hari iaitu pada 13 dan 14 November 2019 bersamaan 13 dan 14 Rabiulawal 1441H di Masjid al-Ehsan Sungai Pinang dan di PFST. Program tersebut mendapat sambutan ramai dengan kehadiran orang awam serta pelajar-pelajar sekolah yang melibatkan diri dalam program yang dijalankan sebagai peserta dan pelawat bagi Hari Terbuka PFST 2019. Hal ini kerana pelbagai aktiviti menarik yang dijalankan sepanjang program berlangsung pada Hari Terbuka tersebut.

Pada hari Rabu, 13 November 2019 bersamaan 13 Rabiulawal 1441H, pada pukul 8.00 pagi kuliah Dhuha merupakan program pertama yang dijalankan di Masjid Al-Ehsan Sungai Pinang sebagai pembuka Hari Terbuka PFST. Kuliah Dhuha tersebut disampaikan oleh Ustaz Faizal bin Jani, Pegawai Falak Jabatan Mufti Negeri Perak. Seterusnya, pameran Falak/Astronomi, Kuiz Falak, permainan “soap bubble” serta cerapan matahari dijalankan oleh staf-staf Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang yang berlangsung sehingga pukul 2.00 petang.



Kuliah Dhuha oleh Ustaz Faizal bin Jani.

Pada hari khamis, 14 November 2019 bersamaan 14 Rabiulawal 1441H, pada pukul 8.00 pagi seminar Ketokohan Ilmuan Falak merupakan program yang terakhir bagi Hari Terbuka PFST 2019 yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Abdul Halim bin Abdul Aziz, Pensyarah kanan Pusat Pengajian Sains Fizik USM dan Encik Nor Azam bin Mat Noor, Penyelidik Bebas Falak. Berakhirnya Hari Terbuka PFST 2019 pada jam 1.00 tengah hari dengan jamuan makan kepada peserta serta penceramah.



Sahibul Fadzilah Tuan Haji Yusoff bin Abu Bakar menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Roket Air

HARI TERBUKA PUSAT FALAK SHEIKH TAHIR

Seterusnya, aktiviti program bersambung di PFST dengan acara pertandingan “Water Rocket” pada pukul 2.30 petang. Acara bersambung dengan pertandingan mewarna bagi pelajar tahap 1 dan tahap 2 sekolah-sekolah rendah. Hadiah-hadiah serta saguhati kepada para pemenang dan peserta disampaikan oleh timbalan Mufti Negeri Pulau Pinang. Setiap peserta pertandingan mewarna diberikan sijil penglibatan. Acara diteruskan lagi dengan aktiviti himpunan teleskop, cerapan langit malam serta bengkel peta bintang sehingga pukul 11.00 malam. Bengkel peta bintang disampaikan oleh Dr. Chong Hon Yew, presiden Pertubuhan Astronomi Pulau Pinang. Program serta acara pada hari Rabu tamat pada pukul 12.00 tengah malam.

MAJLIS PENYERAHAN PERALATAN UKUR TOTAL STATION

Georgetown, 13 Disember 2019 - Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (JMNPP) telah menerima tiga (3) buah unit total station sumbangan daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) Negeri Pulau Pinang bagi membantu JMNPP dalam menjalankan kerja-kerja pengesahan arah kiblat dan cerapan hilal. Majlis penyerahan peralatan tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah JUPEM, Dato’ Sr. Dr. Azhari bin Mohamed. Manakala Ustaz Muhammad Haniff bin Baderun, Ketua Bahagian Falak JMNPP telah mewakili JMNPP bagi menerima sumbangan tersebut.



Majlis Penyerahan Peralatan Ukur Total Station.

Majlis telah dimulakan dengan ucapan aluan yang disampaikan oleh Pengarah JUPEM Negeri Pulau Pinang Sr. Muhammad Salim Bin Mohammed Asari. Dalam ucapannya, beliau menyatakan rasa syukur kerana dapat bekerjasama dengan JMNPP dalam menjalankan tugas berkaitan dengan pengesahan arah kiblat dan beberapa tugas lain yang melibatkan bidang falak. Selain itu, beliau turut menyatakan kesudian pihak JUPEM dalam membantu JMNPP sekiranya diperlukan dalam pengendalian peralatan yang diberikan.

JMNPP amat berterima kasih atas sumbangan yang diberikan tersebut dan mengharapkan kerjasama yang telah sedia ada dapat terus diperkukuhkan.

AKTIVITI PUSAT FALAK SHEIKH TAHIR 2019



Imej Gerhana Bulan Separa pada 17 Julai 2019 di Maahad Mashoor Al-Islami, Balik Pulau

1- CERAPAN HILAL DI PUSAT FALAK SHEIKH TAHIR

26-27 November 2019	Cerapan Hilal Rabiulakhir 1441H	01 Ogos 2019	Cerapan Hilal Zulhijjah 1440H (Majlis Cerapan Rasmi Hilal Zulhijjah 1440H)
28 Oktober 2019	Cerapan Hilal Rabiulawal 1441H	03 Julai 2019	Cerapan Hilal Zulkaedah 1440H
29 September 2019	Cerapan Hilal Safar 1441H	03-04 Jun 2019	Cerapan Hilal Syawal 1440H (Majlis Cerapan Rasmi Hilal Syawal 1440H)
30-31 Ogos 2019	Cerapan Hilal Muharam 1441H		

2- LAWATAN KE PUSAT FALAK SHEIKH TAHIR

22-23 November 2019	Pusat Pendidikan Al-Islan, Sungai Petani	05 Oktober 2019	Kolej Komuniti Chenderoh, Perak
18 November 2019	Sekolah Sri Al-Amin, Bangi, Sg. Tangkas	10 September 2019	Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS)
07 November 2019	Sekolah Menengah Agama Tahfiz Mithali Khalifah	24 Ogos 2019	Kelab RAKAN Astronomi Universiti Pendidikan Sultan Idris
06 November 2019	Sekolah Menengah Kebangsaan Teluk Bahang	19 Ogos 2019	Cypress Semiconductor (Malaysia) Sdn Bhd (FKA Spansion Penang Sdn Bhd)
05 November 2019	Sekolah Menengah Agama Fauzi	14-17 Ogos 2019	Malaysian Astronomy Olympiad
05 November 2019	Universiti Kuala Lumpur, MSI, Kulim, Kedah	09 Ogos 2019	Sekolah Menengah Kebangsaan Tajar
02 November 2019	PASTI An-Nur, Permatang Pasir, Balik Pulau	28 Julai 2019	PERKIM Cawangan Manjung
31 Oktober 2019	PASTI Al-Abrar	10-12 Julai 2019	Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Balik Pulau
31 Oktober 2019	FPHP UiTM Kota Kinabalu, Sabah	20 Jun 2019	Sekolah Rendah Islam Darul Ulum (SRIDU)
18-19 Oktober 2019	Pusat Pendidikan Al-Islah		



Lawatan Kelab RAKAN Astronomi Universiti Pendidikan Sultan Idris ke PFST



Lawatan Sekolah Menengah Agama Fauzi ke PFST

Oleh: Siti Nadiyah binti Mohamad Shukri
(nadiyahshukri86@penang.gov.my)

MEMUAT NAIK GAMBAR TIDAK MENUTUP AURAT

- S** Apakah hukumnya untuk kita memuat naik gambar kawan atau ahli keluarga kita yang beragama Islam yang tidak menutup aurat di laman sosial walhal kawan /ahli keluarga kita tersebut sememangnya tidak menutup auratnya sendiri dalam kehidupan sehariannya? Adakah hukumnya sama sekiranya kawan/ahli keluarga kita itu seorang *non-Muslim*?
- J** Tindakan memuat naik gambar yang mendedahkan aurat sendiri atau aurat orang lain sama ada Muslim atau bukan Muslim adalah haram dan berdosa.

HUKUM MEMVIRAL MAKLUMAT DI MEDIA SOSIAL

- S** Hukum seseorang yang memviralkan sesuatu maklumat di media sosial tanpa *tabayyun* terlebih dahulu sama ada maklumat itu benar, palsu, fakta atau auta. Hasil pemerhatian, pelbagai kesan baik dan buruk berlaku akibat daripada budaya ini terhadap individu, keluarga, masyarakat dan negara. Antara contoh kesan baik ialah tentang budaya menderma bagi sesuatu isu seperti kebakaran, banjir dan sakit kronik. Melalui budaya viral ini juga, orang ramai mengetahui masalah-masalah tersebut dan berusaha untuk memberi sumbangan. Akan tetapi ada juga kesan yang buruk seperti mengaibkan diri, keluarga mahupun masalah politik negara, sebagai contoh isu-isu berkaitan politik negara yang pelbagai dan telah diviralkan malah ada juga netizen turut menghukum pemimpin politik dengan pandangan mereka sendiri. Hal ini akan mendedahkan kepada dunia luar akan kepincangan masalah dalam negara. Justeru, ia sedikit sebanyak mampu menggoyahkan keselamatan dalam negara.

Persoalannya:

- 1 Adakah budaya ini perlu dibendung atas kesan-kesan yang berlaku atau dibenarkan dengan bersyarat?
 - 2 Bagaimana untuk kita mengawal aktiviti viral seseorang sedangkan mereka bebas untuk bermedia sosial di zaman abad ke-21 ini, lebih-lebih lagi penggunaan internet adalah tinggi di Malaysia iaitu sebanyak 66.6 peratus orang daripada jumlah keseluruhan penduduk di Malaysia pada tahun 2016 ini?
 - 3 Apakah dalil yang membenarkan budaya viral ini?
- J**
- 1 Penggunaan media sosial pada hari ini adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan akibat daripada perkembangan teknologi semasa. Justeru, penerimaan atau penyebaran maklumat melaluinya sentiasa akan berlaku kerana "segala maklumat berada di hujung jari".
 - 2 Walau bagaimanapun setiap maklumat yang diterima atau yang hendak disebar (diviralkan) hendaklah dipastikan kesahihannya terlebih dahulu. Ini bagi tujuan kita mendapat atau menyebarkan maklumat yang betul dan benar. Panduan ini telah pun dijelaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya yang bermaksud: *"Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenalinya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan."* (Surah al-Hujurat, ayat 6)
 - 3 Setiap perkara atau maklumat yang baik dan memberikan manfaat boleh disebar bagi tujuan perkongsian bersama dengan syarat perkara atau maklumat tersebut adalah betul dan benar.
 - 4 Perkara yang baik yang dilakukan dipanggil Amar Makruf dan perkara tidak baik dan perlu dicegah dipanggil Nahi Mungkar. Ini merupakan tugas setiap umat Islam untuk melakukannya sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud: *"Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka: orang-orang yang fasik."* (Surah Ali Imran, ayat 110)



Tahniah

Tahniah di atas kelahiran cahaya mata baharu bagi dua (2) orang pegawai ini:



**Ahmad Fayyadh bin
Ahmad Yusof Farid**

Nama Ayah :
Ahmad Yusof Farid bin Abdullah
Tarikh Lahir :
17 Julai 2019
(14 Zulkaedah 1440H)



**Nur Aleesa Sofia bt.
Mohd Nasir**

Nama Ibu :
Salmi Aida binti Samsimir
Tarikh Lahir :
01 Ogos 2019
(29 Zulkaedah 1440H)

“Semoga Allah memberkati bagimu kelahiran bayi yang dianugerahkan kepadamu. Lalu engkau bersyukur kepada Allah yang menganugerahkan kepadamu. Semoga apabila anak itu dewasa, kamu akan dikurniakan kebaikan daripadanya”.

Tahniah

Sekalung tahniah diucapkan kepada Tuan Haji Aminuddin bin Mohamad dan Encik Adil Akbar bin Abdul Rahman yang telah menerima pingat di Majlis Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang Tahun 2019 sempena Hari Lahir Tuan Yang Terutama Tun Dato’ Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas yang ke-81.



**Tuan Haji Aminuddin
bin Mohamad**

Pingat Bintang Cemerlang Negeri (BCN)
15 Julai 2019



**Encik Adil Akhbar
bin Abdul Rahman**

Pingat Jasa Masyarakat (PJM)
14 Julai 2019

AKTIVITI KELAB KEBAJIKAN DAN SUKAN JMNPP

Oleh: Mohamad Zaki bin Hj. Abdul Halim (zakihalim@penang.gov.my)

KELAB KEBAJIKAN & SUKAN JMNPP

Tarikh: 31/05/2019

Majlis Khatam Al-Quran, Pemberian Hamper Raya Aidilfitri dan Iftar Ramadan

Tempat: **Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang**

Tarikh: 28/06/2019

Majlis Sambutan Hari Lahir Staff Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

Tempat: **Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang**

Tarikh: 02/07/2019

Jamuan Hari Raya Aidilfitri Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

Tempat: **Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang**

Tarikh: 20,27/09/2019 & 02/10/2019

Latihan Sukan Badminton

Tempat: **Gelanggang Badminton Bukit Dumbar**

Tarikh: 12,19,25/09/2019 & 03/10/2019

Latihan Sukan Bowling

Tempat: **Classic Bowl, Prangin Mall**

Tarikh: 26/09/2019

Latihan Sukan Futsal

Tempat: **Gelanggang Futsal, Lorong Kinta**

Tarikh: Setiap Hari



Latihan Sukan Pingpong, Karom dan Congkak

Tempat: **Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang**

Tarikh: 11-13/10/2019

Liqa Mahabbah Jabatan-Jabatan Mufti Semalaysia Tahun 2019

Tempat: **Ipoh Perak**



PENERBITAN JMNPP 2019